

AMIR BIN HUSSIN
No. 12A, Jalan Mutiara Hill 3/2,
Taman Mutiara Hill,
43500 Semenyih,
Selangor Darul Ehsan.

Ruj. Tuan: Bil. (7) dlm.MPKj 2/PS/100/2025
Tarikh: November, 2025

Ar.Dr. Hjh BIBI KHAIRANI BINTI MOHAMED SABRI BPC.,PPT
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan,
Majlis Perbandaran Kajang,
Menara MPKj,
Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.

Puan,

PERMOHONAN PEMULANGAN WANG CAGARAN BAGI CADANGAN TAMBAHAN
DAN UBAH SUAI KE ATAS SEBUAH RUMAH TERES 2 TINGKAT YANG SEDIA ADA DI
NO.12 A, JALAN MUTIARA HILL 3/2, MUTIARA HILL MUKIM SEMENYIH, DAERAH
HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.

Surat Puan bertarikh 14 Oktober 2025, dalam rujukan Bil. (7) dlm.MPKj 2/PS/100/2025 adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Puan, kontraktor yang menjalankan kerja-kerja tambahan/ubah suai bahagian dapur rumah saya secara tidak sengaja telah bertindak membuang tangga besi (mudah alih) ke dalam tong roro bersama dengan bahan-bahan binaan terbuang yang lain dan pihak berkenaan telah menggantikannya dengan binaan tangga simen kekal. Saya amat kesal dengan perbuatan/tindakan kontraktor berkenaan.

3. Untuk itu, pihak kontraktor berkenaan telah pun diminta dan telah mengambil tindakan dengan merobohkan kembali binaan tangga simen kekal tersebut sebagaimana yang diarahkan. Bersama-sama ini dilampirkan gambar terkini yang menunjukkan tangga simen berkenaan telah dirobohkan.

4. Dalam pada itu, saya telah berusaha untuk mendapatkan tangga besi asal (mudah alih) daripada pihak pemaju, namun telah menemui jalan buntu kerana dimaklumkan bahawa tangga besi tersebut hanya disediakan mengikut jumlah binaan unit rumah sahaja.

5. Oleh yang demikian, mohon jasa baik Puan agar dapat mengembalikan semula wang cagaran berkenaan, bagi membolehkan saya menggunakannya untuk membuat tempahan baharu ke atas tangga besi (mudah alih).

6. Dimajukan untuk pertimbangan sewajarnya daripada pihak Puan.

Sekian, terima kasih.

.....
AMIR BIN HUSSIN

Gambar menunjukkan tangga simen kekal telah dirobuhkan di alamat No.12 A Jalan Mutiara Hill 3/2, Taman Mutiara Hill, 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan.

